

## KHUTBAH JUMAAT

### “MEMBENTUK GENERASI YANG MENGHIDUPKAN AL-QURAN”

(17 Mei 2019M/ 12 Ramadhan 1440H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي بَعَثَ خَيْرَ نَبِيِّ أُرْسِلَ لِلْأَنَامِ، وَأَنْزَلَ مَعَهُ الْكِتَابَ تَبْيَانًا لِكُلِّ شَيْءٍ وَبُرْهَانًا لِلْأَوْهَامِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ، حَبِيبِنَا الْكَرِيمِ، وَرَسُولِنَا الْعَظِيمِ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى فِي كِتَابِهِ الْعَزِيزِ :

﴿ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٢﴾﴾

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan melaksanakan segala perintah-Nya, dan meninggalkan segala tegahan-Nya. Mudah-mudahan Ramadhan kali ini menjadikan kita insan yang berjaya di dunia dan di akhirat. Tajuk khutbah pada hari ini ialah “**Membentuk Generasi Yang Menghidupkan Al-Quran**”.

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Apabila memasuki pertengahan Ramadan, sering kita diingatkan dengan peristiwa penurunan Al-Quran atau Nuzul Al-Quran. Begitu

agung dan hebatnya kedudukan Al-Quran, sehinggakan penurunan Al-Quran itu telah Allah iringi dengan turunnya para malaikat yang suci berserta curahan rahmat-Nya pada malam Qadar.

Beruntunglah kita pada hari ini, yang masih dapat menatap, menyentuh, membaca dan menghayati ayat-ayat yang telah dianugerahkan kepada Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam*.

Al-Quran telah mampu merubah generasi sahabat daripada orang yang bergelumang dengan maksiat kepada hamba-hamba Allah yang tunduk patuh kepada-Nya. Lihatlah, betapa hebatnya potensi Al-Quran sehingga mampu merubah sebuah generasi. Maka ini bererti, bukanlah satu perkara yang mustahil, jika ia juga mampu merubah generasi kita pada hari ini. Ini kerana Al-Quran yang kita tatapi hari ini tidak berubah sedikitpun daripada awal ia mula diturunkan kepada Baginda Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam*. Ia tetap Al-Quran yang sama dengan potensi yang sama. Namun, potensi ini tidak akan dapat kita lahirkan daripada Al-Quran kecuali kita mengambil langkah untuk memahaminya.

Pada hakikatnya, apa yang kita hasratkan selama ini, merupakan sesuatu yang sudah lama ditawarkan dalam Al-Quran. Mungkin apa yang kita perlukan hanyalah sekadar sedikit perubahan minda dengan bantuan Allah Yang Maha Kuasa.

Khatib ingin berkongsi beberapa langkah permulaan dalam kita berinteraksi dengan Al-Quran. Mudah-mudahan ia mampu mendekatkan diri kita kepada Al-Quran dan menjadikan Al-Quran

sentiasa hampir dengan kita. Antaranya ialah kita perlu melihat Al-Quran sebagai kitab yang hidup dan berbicara dengan kita. Ingatlah, Allah sebenarnya berbicara dengan kita melalui Al-Quran. Ayat-ayat Al-Quran bukan sahaja berbentuk suruhan. Ada antaranya berbentuk persoalan seperti ayat yang mengajak kita mencari bukti kekuasaan Allah *subhanahu wata'ala*. Umpamanya, firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah Az-Dzaariyaat, ayat 21:

وَفِي أَنْفُسِكُمْ أَفَلَا تُبْصِرُونَ ﴿٢١﴾

**Maksudnya :** *“Dan juga pada diri kamu sendiri. Maka mengapa kamu tidak mahu melihat serta memikirkan (dalil-dalil dan bukti itu)?”*

Dengan kita melihat Al-Quran sebagai kitab yang berbicara, maka kita akan lebih terpenggil untuk berinteraksi bersamanya.

Seterusnya, kita perlu membaca Al-Quran mengikut kaedah yang boleh membantu kita menghargai nilai-nilainya. Ini sesuai dengan tujuan bahawa Al-Quran diturunkan dalam bahasa Arab agar dapat difahami dan dihayati oleh para sahabat Nabi *sallallahu alaihi wasallam*. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah Yusuf, ayat 2:

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ قُرْءَانًا عَرَبِيًّا لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿٢﴾

**Maksudnya :** *“Sesungguhnya Kami menurunkan Kitab itu sebagai Quran yang dibaca dengan bahasa Arab, supaya kamu memahaminya.”*

Pemahaman sahabat tentang Al-Quran begitu mendalam kerana mereka sedar akan sebab dan latar belakang turunnya sesuatu ayat. Kita dapat menghidupkan suasana ini semula dengan membudayakan pembacaan kitab-kitab. Para ulama telah menghimpunkan kisah-kisah di dalam Al-Quran ataupun tema-tema utama Al-Quran di dalam kitab-kitab mereka. Melalui kisah-kisah dan tema ini, ia memudahkan kita untuk menghayati nilai yang ingin disampaikan di sebalik sesuatu ayat atau surah. Antara buku yang boleh dijadikan rujukan adalah buku-buku tafsir seperti Tafsir Ibnu Kathir dan Tafsir al-Munir. Selain itu, buku karangan Ibnu Kathir yang berjudul ‘Qashasul Anbiyaa’ (Kisah-kisah Para Nabi) pun boleh dijadikan sebagai rujukan.

Begitu juga saudara, jika anak-anak kita selalu membaca buku atau kisah-kisah dongeng, pastikanlah juga mereka membaca buku-buku berkaitan kisah-kisah Al-Quran. Ini adalah supaya mereka menghargai Al-Quran sebagai kitab yang berguna dan relevan untuk mereka, lebih daripada sekadar buku untuk mereka mengaji sahaja.

Selain itu, jadikanlah Al-Quran sebagai teman kita di mana-mana kita berada. Bermula pada hari ini, tetapkanlah sasaran yang perlu dibaca dan dicapai pada setiap hari agar kita sentiasa istiqamah dalam menjadikan Al-Quran sebagai teman.

Baca dan renungkanlah isi kandungan Al-Quran dengan merujuk kepada terjemahan dan tafsir untuk difahami. Lakukanlah ia secara tetap dan konsisten pada setiap hari. Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* pernah bersabda yang bermaksud:

*“Amalan yang paling disukai Allah adalah amalan yang dilakukan secara istiqamah (terus-menerus) walaupun sedikit.”*

*(Hadis riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim)*

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Teruskanlah hubungan kita bersama Al-Quran walaupun selepas berlalunya bulan Ramadan, kerana ia adalah penawar jiwa yang sakit dan sumber kekuatan rohani. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah Yunus ayat 57:

يَأْتِيهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَتْكُمْ مَوْعِظَةٌ مِّن رَّبِّكُمْ وَشِفَاءٌ لِّمَا فِي الصُّدُورِ وَهُدًى  
وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ ﴿٥٧﴾

**Maksudnya :** *“Wahai umat manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu Al-Quran yang menjadi nasihat pengajaran dari Tuhan kamu, dan yang menjadi penawar bagi penyakit-penyakit batin yang ada di dalam dada kamu, dan juga menjadi hidayah petunjuk untuk keselamatan, serta membawa rahmat bagi orang-orang yang beriman.”*

Orang yang sentiasa membaca Al-Quran dan beramal dengan isi kandungannya akan mendapat syafaat Al-Quran di akhirat kelak. Sabda Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* :

((اقْرءُوا الْقُرْآنَ ، فَإِنَّهُ يَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ شَفِيعًا لِأَصْحَابِهِ ... ))

**Maksudnya :** *Bacalah oleh kamu semua akan Al-Quran, maka sesungguhnya ia akan datang pada hari qiamat kelak sebagai pemberi syafaat kepada pembacanya ...*

(Hadis riwayat Imam Muslim)

Semoga Allah memberi kita kekuatan untuk memulakan langkah-langkah awal ini sekaligus benar-benar dapat menghargai ajaran Al-Quran dan meraih manfaat daripada ajarannya untuk diri dan keluarga kita. Semoga usaha kita ini akan menjadikan kita generasi Al-Quran yang mendapat syafaatnya dan keredhaan Allah *subhanahu wata'ala* kelak. Amin Ya Rabbal 'Alamin.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَنَزَّلُ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ وَلَا يَزِيدُ الظَّالِمِينَ إِلَّا خَسَارًا ﴿١٠١﴾

**Maksudnya :** *Dan Kami turunkan dengan beransur-ansur dari Al-Quran Ayat-ayat suci yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman kepadanya; dan (sebaliknya) Al-Quran tidak menambahkan orang-orang yang zalim (disebabkan keingkaran mereka) melainkan kerugian jua.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.  
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ  
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ  
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. وَارْضَ  
اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ  
الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ  
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا  
قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunkanlah dosa dan kesalahan kaum muslimin dan muslimat, mukminin dan mukminat, sama ada yang masih hidup ataupun yang telah meninggal dunia. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia ini, lebih-lebih lagi di akhirat kelak.

Ya Allah ! Ya Rahman ! Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khususnya kepada *Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia*, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya *Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak*.

Ya Allah, kami bersyukur ke hadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara kami, khususnya Negeri Sarawak yang tercinta ini, sebagai sebuah negeri yang maju dan sejahtera.

Justeru, kami pohon ke hadrat-Mu ya Allah, buat kami semua dan generasi muda dalam kalangan remaja dan belia generasi pelapis negara dan negeri kami ini, kukuhkanlah iman kami, tingkatkanlah amal ibadah kami, suburkanlah peribadi kami dengan budi pekerti dan akhlak yang mulia, eratkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan keterampilan yang bermanfaat, bimbinglah kami ke jalan yang Engkau redhai, hindarkanlah kami daripada terlibat dalam apa jua unsur negatif yang boleh menjatuhkan maruah diri, keluarga, masyarakat dan negara, lindungilah kami daripada ujianmu seperti banjir besar, kemarau panjang, wabak penyakit, persengketaan, kemiskinan dan kebuluran. Kami berlindung dan bermohon denganMu Ya Allah, semoga negeri kami akan sentiasa bertambah aman, makmur dan berkat.

Ya Allah, Ya Tuhan kami! Kurniakanlah kepada kami kekuatan untuk mengejar segala kebaikan yang telah Engkau sediakan dalam bulan Ramadan Al-Mubarak ini. Jauhkanlah diri kami daripada godaan nafsu yang akan merosakkan proses peribadatan dan perhambaan kami kepadaMu sepanjang bulan yang agung ini, Ya Allah.

رَبَّنَا أُنْتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ، أَمِينَ يَا  
رَبَّ الْعَالَمِينَ. عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ  
وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ  
الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ.  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.